

TERHAD



**LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2015

3756/3

PRINSIP PERAKAUNAN

PROJEK

TINGKATAN 5

Kertas 3

April – Mei 2015

PANDUAN PELAKSANAAN DAN PENILAIAN PROJEK

PRINSIP PERAKAUNAN

KERTAS 3

APRIL HINGGA MEI 2015

Panduan Pelaksanaan dan Penilaian Projek ini mengandungi 32 halaman bercetak.

3756/3 © 2015 Hak Cipta Kerajaan Malaysia

[Lihat halaman sebelah
TERHAD

KANDUNGAN**HALAMAN**

1.0	Pengenalan	3
2.0	Objektif Mata Pelajaran	3
3.0	Objektif Pentaksiran	4
4.0	Maklumat Am	4
5.0	Maklumat Kepada Calon	4
6.0	Maklumat Kepada Pentaksir Sekolah (Guru)	5
7.0	Elemen dan Aspek Yang Dinilai	6
8.0	Carta Alir Pentaksiran Terkawal (Controlled Assessment)	7
9.0	Kriteria Penilaian	8
10.0	Pengiraan untuk Mendapatkan Gred Elemen dan Gred Pencapaian Keseluruhan 3756/3	22
11.0	Pelaporan	23
Lampiran :		
	Lampiran 1 : Jadual Pelaksanaan Tugas Projek	24
	Lampiran 2 : Perakuan Calon Tentang Ketulenan Tugas Projek	25
	Lampiran 3 : Profil Perniagaan	26
	Lampiran 4 : Senarai Semak dan Penilaian Guru	27
	Lampiran 5 : Borang Pentaksiran Individu	28
	Lampiran 6 : Borang Rumusan Skor Tugas Projek	32

MAKLUMAT TUGASAN PROJEK

1.0 PENGENALAN

Calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang mengambil mata pelajaran Prinsip Perakaunan dikehendaki melaksanakan tugas projek sebagai satu daripada keperluan persijilan. Tugas projek dalam konteks ini bermaksud satu kaedah pentaksiran berdasarkan hasil tugas calon semasa di Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 yang menepati objektif pentaksiran seperti yang telah ditetapkan.

Tugas projek ini memberi peluang kepada calon untuk melalui dan mengalami pembelajaran dan pengajaran yang pelbagai. Bimbingan akan dijalankan oleh pentaksir sekolah (guru) dalam aspek pengajaran dan pembelajaran sepanjang tempoh pelaksanaan tugas yang ditetapkan. Hasil akhir tugas projek akan menjadi asas pentaksiran. Skor adalah berdasarkan kepada darjah penguasaan elemen dan kriteria pentaksiran yang ditetapkan. Guru dikehendaki mengemukakan skor tugas projek bagi setiap pelajarnya kepada Lembaga Peperiksaan (LP).

Pendedahan dan penguasaan kefahaman calon tentang seluruh proses kitaran perakaunan diterjemahkan melalui penghasilan tugas projek yang diintegrasikan dengan berbantuan komputer. Pengukuran sesuatu elemen adalah berdasarkan kepada kriteria tertentu mengikut piawai di peringkat kebangsaan. Elemen-elemen pentaksiran mencakupi hampir keseluruhan aspek yang ada dalam perakaunan.

Buku ini mengandungi maklumat tugas projek yang mesti dilaksanakan oleh calon serta panduan pentaksiran tugas bagi guru. Maklumat dan arahan yang terkandung dalam buku ini telah dirancang dengan teliti bagi membolehkan tugas projek disempurnakan dalam tempoh 8 minggu dan mempunyai ruang masa yang mencukupi kepada guru untuk menilai hasil tugas projek calon secara berterusan.

2.0 OBJEKTIF MATA PELAJARAN

Objektif mata pelajaran Prinsip Perakaunan adalah untuk membolehkan pelajar:

- 2.1 Menghuraikan konsep dan kitaran perakaunan yang diamalkan dalam organisasi perniagaan dan bukan perniagaan.
- 2.2 Menyediakan satu set akaun yang lengkap untuk perniagaan milikan tunggal dan organisasi bukan perniagaan berdasarkan aktiviti entiti perniagaan secara manual dan berkomputer.
- 2.3 Mengaplikasikan prinsip pengurusan tunai.
- 2.4 Membuat perbandingan dari aspek perakaunan bagi pemilikan perniagaan milikan tunggal, perkongsian, syarikat dan organisasi bukan perniagaan.
- 2.5 Mengaplikasikan analisis kos-volum untung untuk membuat keputusan.
- 2.6 Menilai prestasi kewangan sesebuah perniagaan dengan menggunakan analisis nisbah asas.
- 2.7 Mempamerkan kemahiran berkomunikasi, kerja berkumpulan, pengurusan dan kepimpinan serta etika profesion dalam melaksanakan aktiviti perakaunan.
- 2.8 Mampu menggunakan teknologi maklumat dalam bidang perakaunan.

3.0 OBJEKTIF PENTAKSIRAN

Objektif Pentaksiran (OP) Prinsip Perakaunan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

- 3.1 Pengetahuan dan Kefahaman
- 3.2 Kemahiran Mengaplikasi
- 3.3 Kemahiran Menganalisis
- 3.4 Kemahiran Membuat Keputusan
- 3.5 Kemahiran Menggunakan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK)
- 3.6 Nilai-nilai Murni Dalam Perakaunan

4.0 MAKLUMAT AM

- 4.1 Tugas projek ini hendaklah dilaksanakan dalam tempoh 10 minggu (Penyiapan projek : 8 minggu, pengurusan dan penilaian: 2 minggu. Contoh Jadual Pelaksanaan Tugas Projek adalah seperti di **Lampiran 1**).
- 4.2 Tugas projek bagi pelajar Tingkatan 4 akan dimulakan pada bulan Ogos hingga September manakala bagi pelajar Tingkatan 5 dimulakan pada bulan April hingga Mei setiap tahun.
- 4.3 Pentaksir sekolah adalah guru yang mengajar mata pelajaran Prinsip Perakaunan.
- 4.4 Penilaian tugas projek ini merupakan sebahagian daripada proses pengajaran dan pembelajaran.
- 4.5 Penilaian tugas projek ini dilakukan secara berterusan dalam tempoh yang ditetapkan.
- 4.6 Elemen, aspek dan kriteria dalam buku Panduan Pelaksanaan dan Penilaian Projek ini hendaklah dimaklumkan kepada calon.
- 4.7 Soalan tugas boleh dimuat turun daripada laman web Lembaga Peperiksaan di <http://apps2.moe.gov.my/lpm>.
- 4.8 Skor bagi setiap calon hendaklah dimasukkan ke dalam hamparan elektronik E-PPK3.

5.0 MAKLUMAT KEPADA CALON

- 5.1 Calon wajib melaksana dan menyelesaikan tugas projek Prinsip Perakaunan 3756/3 secara individu.
- 5.2 Penilaian akan dibuat berdasarkan proses kerja dan hasil kerja akhir calon.
- 5.3 Penilaian hasil kerja calon dan pemberian skor akan dilakukan sepanjang masa tugas projek dilaksanakan.
- 5.4 Pemberian markah dan gred keseluruhan dibuat setelah tugas projek disiapkan.
- 5.5 Calon dikehendaki menandatangani perakuan tentang ketulenan tugas projek yang dihasilkan (**Lampiran 2**).
- 5.6 Calon dikehendaki melaksanakan tugas projek ini dalam tempoh yang telah ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan.

6.0 MAKLUMAT KEPADA PENTAKSIR SEKOLAH (GURU)

6.1 Perancangan dan Pelaksanaan

- 6.1.1 Guru hendaklah memberikan penerangan yang jelas kepada calon tentang perancangan dan pelaksanaan keseluruhan tugas projek.
- 6.1.2 Guru hendaklah memastikan setiap calon menyediakan profil perniagaan serta senarai semak dan penilaian guru (**Lampiran 3 dan Lampiran 4**).
- 6.1.3 Guru hendaklah membimbing calon supaya dapat mematuhi jadual kerja dalam melaksanakan tugas projek dengan penuh tanggungjawab.
- 6.1.4 Guru hendaklah membuat penilaian kerja calon secara berterusan serta melaksanakan Pentaksiran Terkawal (Controlled Assessment).
- 6.1.5 **Pihak pengurusan sekolah diminta menyediakan kemudahan komputer atau makmal komputer untuk pelajar menyempurnakan tugas projek 3756/3. Oleh itu, dicadangkan jadual penggunaan makmal komputer sekolah disediakan bagi memastikan calon berjaya menyiapkan tugas projek 3756/3 dalam tempoh masa yang ditetapkan.**
- 6.1.6 Guru juga hendaklah melaksanakan pentaksiran yang adil dan saksama serta mempunyai integriti yang tinggi.

6.2 Penilaian

- 6.2.1 Guru dikehendaki mengisi Borang Pentaksiran Individu (**Lampiran 5**). Gred dan skor bagi setiap aspek yang dinilai hendaklah diisi dalam borang berkenaan.
- 6.2.2 Aktiviti pengesanan, pemantauan dan penyetaraan akan dilaksanakan oleh pegawai yang dilantik oleh Lembaga Peperiksaan.
- 6.2.3 Guru hendaklah mengambil tindakan pembetulan dengan segera terhadap sebarang komen atau nasihat daripada pegawai berkenaan.
- 6.2.4 Guru dikehendaki mencetak Borang Rumusan Skor Tugas Projek Prinsip Perakaunan (**Lampiran 6**).
- 6.2.5 Borang Rumusan Skor Tugas Projek yang telah dicetak hendaklah disahkan oleh Ketua Pentaksir Sekolah dan Pengetua. Borang ini hendaklah difailkan dan disimpan di tempat yang selamat di sekolah.
- 6.2.6 Hasil kerja calon (evidens) mesti disimpan di tempat yang berkunci selama 6 bulan selepas keputusan peperiksaan SPM diumumkan.
- 6.2.7 Guru juga mestilah memasukkan skor projek calon secara atas talian pada **tarikh yang akan ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan**. Maklumat lanjut akan diberikan oleh Sektor Penilaian dan Peperiksaan (SPP), Jabatan Pelajaran Negeri.

7.0 ELEMEN DAN ASPEK YANG DINILAI**Elemen 1.0: Pengetahuan dan Kefahaman**

- 1.1 Pengenalan Perniagaan
- 1.2 Profil Perniagaan

Elemen 2.0: Kemahiran Mengaplikasi

- 2.1 Lejar
- 2.2 Imbangan Duga
- 2.3 Pelarasan
- 2.4 Jurnal Am
- 2.5 Perekodan pelarasan ke dalam akaun berkaitan
- 2.6 Akaun Kawalan
- 2.7 Imbangan Duga Terselaras
- 2.8 Akaun Penamat
- 2.9 Kunci Kira-kira
- 2.10 Menghitung Nisbah Dalam Penyata Kewangan

Elemen 3.0: Kemahiran Menganalisis

- 3.1 Analisis Penyata Kewangan dan Analisis Nisbah

Elemen 4.0: Kemahiran Membuat Keputusan

- 4.1 Keputusan Perniagaan
- 4.2 Perancangan Perniagaan


Elemen 5.0: Kemahiran Menggunakan TMK

- 5.1 Penggunaan Komputer
- 5.2 Komunikasi

Elemen 6.0: Nilai-nilai Murni Dalam Perakaunan

- 6.1 Sistematik
- 6.2 Akauntabiliti
- 6.3 Rasional
- 6.4 Ketepatan

8.0 CARTA ALIR PENTAKSIRAN TERKAWAL (CONTROLLED ASSESSMENT)



Tahap Kawalan:

T (Tinggi) – Kawalan pada tahap tinggi
S (Sederhana) – Kawalan pada tahap sederhana
R (Rendah) – Kawalan pada tahap rendah

9.0 KRITERIA PENILAIAN

Elemen 1.0 : Pengetahuan dan Kefahaman

Bil.	Aspek	Gred	Kriteria	Catatan
1.1	Pengenalan Perniagaan	A	(i) Menyatakan dengan jelas pengenalan perniagaan. (ii) Menyatakan sebab memilih perniagaan. (iii) Menyatakan kelebihan menjalankan perniagaan tersebut. (iv) Menyatakan risiko yang bakal dihadapi.	Rujuk garis panduan dalam tugas projek
		B	Menyatakan mana-mana tiga kriteria di dalam A.	
		C	Menyatakan mana-mana dua kriteria di dalam A.	
		D	Menyatakan salah satu kriteria di dalam A.	
		E	Tiada evidens dikemukakan.	

Elemen 1.0 : Pengetahuan dan Kefahaman

Bil.	Aspek	Gred	Kriteria	Catatan
1.2	Profil Perniagaan	A	Profil perniagaan dinyatakan dengan lengkap dan jelas.	Rujuk Lampiran 3
		B	Profil perniagaan dinyatakan dengan jelas tetapi tertinggal atau tersilap satu item.	
		C	Profil perniagaan dinyatakan tetapi tertinggal atau tersilap dua item.	
		D	Profil perniagaan dinyatakan tetapi tertinggal atau tersilap lebih daripada dua item.	
		E	Tiada evidens dikemukakan.	

Elemen 2.0 : Kemahiran Mengaplikasi

Bil.	Aspek	Gred	Kriteria	Catatan
2.1	Lejar	A	(i) Berkeupayaan memindahkan semua catatan dalam Buku Catatan Pertama dan Buku Tunai ke akaun berkaitan dengan lengkap dan tepat. (ii) Berkeupayaan mengemukakan maklumat dalam akaun yang berkaitan dengan lengkap dan tepat.	(i) Akaun Tunai dan Akaun Bank tidak perlu disediakan
		B	(i) Berkeupayaan memindahkan semua catatan dalam Buku Catatan Pertama dan Buku Tunai ke akaun berkaitan dengan tepat. (ii) Berkeupayaan mengemukakan maklumat dalam akaun yang berkaitan dengan lengkap tetapi tidak tepat.	(ii) Lengkap dan tepat: Tarikh, butiran dan angka mesti betul
		C	(i) Berkeupayaan memindahkan sebahagian catatan dalam Buku Catatan Pertama dan Buku Tunai ke akaun berkaitan dengan tepat. (ii) Berkeupayaan mengemukakan maklumat dalam akaun yang berkaitan dengan lengkap dan tepat.	(iii) Lajur folio perlu dilengkapi
		D	(i) Berkeupayaan memindahkan beberapa catatan dalam Buku Catatan Pertama dan Buku Tunai ke akaun berkaitan dengan tepat. (ii) Berkeupayaan mengemukakan maklumat dalam akaun yang berkaitan dengan lengkap tetapi tidak tepat.	
		E	Tiada evidens dikemukakan.	

Elemen 2.0 : Kemahiran Mengaplikasi

Bil.	Aspek	Gred	Kriteria	Catatan
2.2	Imbangan Duga	A	Berkeupayaan menyediakan Imbangan Duga berdasarkan semua baki dari lejar (2.1) dan Buku Tunai dengan lengkap dan tepat.	Imbangan Duga yang lengkap mengandungi: *Nama perniagaan *Tajuk *Lajur debit dan kredit *Jumlah
		B	Berkeupayaan menyediakan Imbangan Duga berdasarkan semua baki dari lejar (2.1) dan Buku Tunai dengan lengkap tetapi tidak tepat.	
		C	Berkeupayaan menyediakan sebahagian Imbangan Duga berdasarkan baki-baki dari lejar (2.1) dan Buku Tunai.	
		D	Berkeupayaan menyediakan Imbangan Duga tetapi tidak berdasarkan 2.1.	
		E	Tiada evidens dikemukakan.	

Elemen 2.0 : Kemahiran Mengaplikasi

Bil.	Aspek	Gred	Kriteria	Catatan
2.3	Pelarasan	A	Berkeupayaan menyediakan semua pelarasan dengan tepat.	Tepat: Mengikut kehendak dalam tugas projek
		B	Berkeupayaan menyediakan semua pelarasan tetapi tidak tepat.	
		C	Berkeupayaan menyediakan sebahagian pelarasan dengan tepat.	
		D	Berkeupayaan menyediakan sebahagian pelarasan tetapi tidak tepat.	
		E	Tiada evidens dikemukakan.	

Elemen 2.0 : Kemahiran Mengaplikasi

Bil.	Aspek	Gred	Kriteria	Catatan
2.4	Jurnal Am	A	Berkeupayaan merekod semua pelarasan di 2.3 ke dalam Jurnal Am dengan tepat.	(i) Tepat: Tarikh, butir, angka dan catatan debit dan kredit yang betul
		B	Berkeupayaan merekod semua pelarasan di 2.3 ke dalam Jurnal Am tetapi tidak tepat.	
		C	Berkeupayaan merekod sebahagian pelarasan di 2.3 ke dalam Jurnal Am dengan tepat.	(ii) Keterangan diperlukan bagi setiap Jurnal Am
		D	Berkeupayaan merekod sebahagian pelarasan di 2.3 ke dalam Jurnal Am tetapi tidak tepat.	
		E	Tiada evidens dikemukakan.	

Elemen 2.0 : Kemahiran Mengaplikasi

Bil.	Aspek	Gred	Kriteria	Catatan
2.5	Perekodan Pelarasan Ke dalam Akaun Berkaitan	A	Berkeupayaan memindahkan semua catatan Jurnal Am dalam (2.4) ke dalam akaun yang berkaitan dengan tepat.	(i) Lengkap dan tepat: Tarikh, butiran dan angka mesti betul.
		B	Berkeupayaan memindahkan semua catatan Jurnal Am dalam (2.4) ke akaun yang berkaitan tetapi tidak tepat.	
		C	Berkeupayaan memindahkan sebahagian catatan Jurnal Am dalam (2.4) ke akaun yang berkaitan dengan tepat.	(ii) Lajur folio perlu dilengkapkan.
		D	Berkeupayaan memindahkan sebahagian catatan Jurnal Am dalam (2.4) ke akaun yang berkaitan tetapi tidak tepat.	
		E	Tiada evidens dikemukakan.	

Elemen 3.0 : Kemahiran Menganalisis

Bil.	Aspek	Gred	Kriteria	Catatan
2.6	Akaun Kawalan	A	Berkeupayaan menyediakan Akaun Kawalan Penghutang dan Akaun Kawalan Pemiutang dengan lengkap dan tepat.	(i) Lengkap dan tepat: Tarikh, butiran dan angka mesti betul
		B	Berkeupayaan menyediakan Akaun Kawalan Penghutang dan Akaun Kawalan Pemiutang dengan lengkap tetapi tidak tepat.	
		C	Berkeupayaan menyediakan Akaun Kawalan Penghutang dan Akaun Kawalan Pemiutang tetapi tidak lengkap.	(ii) Lajur folio perlu dilengkapkan
		D	Berkeupayaan menyediakan salah satu Akaun Kawalan	
		E	Tiada evidens dikemukakan.	

Elemen 3.0 : Kemahiran Menganalisis

Bil.	Aspek	Gred	Kriteria	Catatan
2.7	Imbangan Duga Terselaras	A	Berkeupayaan menyediakan Imbangan Duga Terselaras berdasarkan baki dari lejar dan buku tunai dengan lengkap dan tepat.	Rujuk 2.2, 2.5 dan 2.6 Imbangan Duga yang lengkap mengandungi: * Nama perniagaan * Tajuk * Lajur debit dan kredit * Jumlah
		B	Berkeupayaan menyediakan Imbangan Duga Terselaras berdasarkan semua baki dari lejar dan Buku Tunai dengan lengkap tetapi tidak tepat.	
		C	Berkeupayaan menyediakan sebahagian Imbangan Duga Terselaras berdasarkan baki dari lejar dan Buku Tunai dengan lengkap dan tepat.	
		D	Berkeupayaan menyediakan sebahagian Imbangan Duga Terselaras tetapi tidak tepat.	
		E	Tiada evidens dikemukakan.	

Elemen 2.0 : Kemahiran Mengaplikasi

Bil.	Aspek	Gred	Kriteria	Catatan
2.8	Akaun Penamat	A	Berkeupayaan menyediakan Akaun Penamat dengan format yang betul berdasarkan Imbangan Duga Terselaras dalam (2.7) dengan lengkap dan tepat.	Jenis-jenis kesilapan: *Salah komponen *Butiran asing *Angka berbeza dari Imbangan Duga *Operasi
		B	Berkeupayaan menyediakan Akaun Penamat dengan format yang betul berdasarkan Imbangan Duga Terselaras dalam (2.7) dengan lengkap tetapi tidak tepat.	
		C	Berkeupayaan menyediakan sebahagian Akaun Penamat dengan format yang betul berdasarkan Imbangan Duga Terselaras dalam (2.7) dengan lengkap dan tepat.	
		D	Berkeupayaan menyediakan Akaun Penamat dengan sekurang-kurangnya satu item betul.	
		E	Tiada evidens dikemukakan.	

Elemen 2.0 : Kemahiran Mengaplikasi

Bil.	Aspek	Gred	Kriteria	Catatan
2.9	Kunci Kira-kira	A	(i) Berkeupayaan menyediakan Kunci Kira-kira dalam bentuk penyata dengan lengkap dan tepat berdasarkan Imbangan Duga Terselaras dalam (2.7). (ii) Berkeupayaan menunjukkan modal kerja dalam Kunci Kira-kira.	Jenis-jenis kesilapan: * Salah komponen * Butiran asing * Angka berbeza dari Imbangan Duga * Operasi
		B	Berkeupayaan menyediakan Kunci Kira-kira dengan format yang betul berdasarkan Imbangan Duga Terselaras dalam (2.7) dengan lengkap tetapi tidak tepat.	
		C	Berkeupayaan menyediakan sebahagian Kunci Kira-kira dengan format yang betul berdasarkan Imbangan Duga Terselaras dalam (2.7) dengan lengkap dan tepat.	
		D	Berkeupayaan menyediakan Kunci Kira kira tetapi tidak lengkap dan tidak tepat.	
		E	Tiada evidens dikemukakan.	

[Lihat halaman sebelah
TERHAD

Elemen 2.0 : Kemahiran Mengaplikasi

Bil.	Aspek	Gred	Kriteria	Catatan
2.10	Menghitung Nisbah Dalam Penyata Kewangan	A	Berkebolehan menghitung dengan tepat sekurang-kurangnya satu nisbah bagi setiap nisbah berikut: (i) Nisbah keberuntungan (ii) Nisbah kecairan (iii) Nisbah kecekapan	Rumus dan jalan kerja mesti ditunjukkan
		B	Berkebolehan menghitung mana-mana dua nisbah dengan tepat.	
		C	Menghitung satu nisbah dengan tepat.	
		D	Menghitung nisbah tetapi tidak tepat.	
		E	Tiada evidens dikemukakan.	

ATAU

Elemen 2.0 : Kemahiran Mengaplikasi

Bil.	Aspek	Gred	Kriteria	Catatan
2.10	Menghitung Nisbah Dalam Penyata Kewangan	A	(i) Berkebolehan menghitung titik pulang modal dengan tepat. (ii) Berkebolehan menghitung dengan tepat sekurang-kurangnya satu nisbah bagi setiap nisbah berikut: (i) Nisbah keberuntungan (ii) Nisbah kecairan (iii) Nisbah kecekapan	Tunjukkan rumus, jalan kerja dan jawapan (Digunakan bagi Perakaunan Pengurusan)
		B	(i) Berkebolehan menghitung titik pulang modal dengan tepat. (ii) Berkebolehan menghitung mana-mana dua nisbah dengan tepat.	
		C	(i) Berkebolehan menghitung titik pulang modal tetapi tidak tepat. (ii) Berkebolehan menghitung satu nisbah dengan tepat.	
		D	Berkebolehan menghitung titik pulang modal atau nisbah tetapi tidak tepat.	
		E	Tiada evidens dikemukakan.	

Elemen 3.0 : Kemahiran Menganalisis

Bil.	Aspek	Gred	Kriteria	Catatan
3.1	Analisis Penyata Kewangan dan Analisis Nisbah	A	Berkebolehan mentafsir dan merumus dengan tepat sekurang-kurangnya satu nisbah bagi setiap nisbah berikut: (i) Nisbah keberuntungan (ii) Nisbah kecairan (iii) Nisbah kecekapan	Rujuk 2.1
		B	Berkebolehan mentafsir dan merumus mana-mana dua nisbah dengan betul.	
		C	Berkebolehan mentafsir dan merumus mana-mana satu nisbah dengan betul.	
		D	Berkebolehan mentafsir dan merumus nisbah dengan jawapan tidak betul.	
		E	Tiada evidens dikemukakan.	

Elemen 4.0 : Kemahiran Membuat Keputusan

Bil.	Aspek	Gred	Kriteria	Catatan
4.1	Keputusan Perniagaan	A	Berkeupayaan mengemukakan sekurang-kurangnya tiga cadangan yang relevan untuk meningkatkan prestasi semasa perniagaan.	Rujuk 2.8, 2.9, 2.10 dan 3.1
		B	Berkeupayaan mengemukakan sekurang-kurangnya dua cadangan yang relevan untuk meningkatkan prestasi semasa perniagaan.	
		C	Berkeupayaan mengemukakan sekurang-kurangnya satu cadangan yang relevan untuk meningkatkan prestasi semasa perniagaan.	
		D	Mengemukakan cadangan tetapi tidak relevan.	
		E	Tiada evidens dikemukakan.	

Elemen 4.0 : Kemahiran Membuat Keputusan

Bil.	Aspek	Gred	Kriteria	Catatan
4.2	Perancangan Perniagaan	A	(i) Menyediakan Belanjawan Tunai berdasarkan semua maklumat berkaitan belanjawan tunai. (ii) Berkeupayaan mengemukakan sekurang-kurangnya dua cadangan yang relevan untuk meningkatkan prestasi jangka panjang perniagaan serta membuat rumusan.	
		B	(i) Menyediakan Belanjawan Tunai. (ii) Berkeupayaan mengemukakan sekurang-kurangnya satu cadangan yang relevan untuk meningkatkan prestasi jangka panjang perniagaan serta membuat rumusan.	
		C	(i) Menyediakan Belanjawan Tunai. (ii) Berkeupayaan mengemukakan satu cadangan tetapi tidak relevan.	
		D	Menyediakan Belanjawan Tunai.	
		E	Tiada evidens dikemukakan.	

Elemen 5.0 : Kemahiran Menggunakan TMK

Bil.	Aspek	Gred	Kriteria	Catatan
5.1	Penggunaan Komputer	A	Berkebolehan menyediakan semua aspek dalam tugas projek dengan berbantuan komputer.	Semua aspek termasuk rumusan
		B	Berkebolehan menyediakan sekurang-kurangnya sepuluh aspek dalam tugas projek dengan berbantuan komputer.	
		C	Berkebolehan menyediakan sekurang-kurangnya lima aspek dalam tugas projek dengan berbantuan komputer.	
		D	Berkebolehan menyediakan sekurang-kurangnya satu aspek dalam tugas projek dengan berbantuan komputer.	
		E	Tiada evidens dikemukakan. (Semua hasil tugas secara manual)	

Elemen 5.0 : Kemahiran Menggunakan TMK

Bil.	Aspek	Gred	Kriteria	Catatan
5.2	Komunikasi	A	Berkebolehan mempersembahkan hasil tugas projek dengan lancar dan meyakinkan.	
		B	Berkebolehan mempersembahkan mana-mana satu aspek daripada hasil tugas projek dengan lancar dan meyakinkan.	
		C	Berkebolehan mempersembahkan mana-mana satu aspek daripada hasil tugas projek.	
		D	Berkebolehan mempamerkan kemahiran komunikasi secara minima.	
		E	Tiada evidens dikemukakan.	

Elemen 6.0 : Nilai-nilai Murni Dalam Perakaunan

Bil.	Aspek	Gred	Kriteria	Catatan
6.1	Sistematik	A	(i) Berkeupayaan menyediakan akaun dalam lejar am mengikut urutan folio. (ii) Berkeupayaan mempamerkan proses kitaran perakaunan mengikut urutan yang betul. (iii) Berkeupayaan menghasilkan tugas projek dan menyusun isi kandungan secara kemas, lengkap dan teratur.	
		B	(i) Berkeupayaan menyediakan akaun dalam lejar am mengikut urutan folio. (ii) Berkeupayaan mempamerkan proses kitaran perakaunan mengikut urutan yang betul. (iii) Tugas tidak disusun secara teratur dan sistematik.	
		C	(i) Berkeupayaan menyediakan akaun dalam lejar am mengikut urutan tarikh. (ii) Berkeupayaan mempamerkan proses kitaran perakaunan tetapi tidak mengikut urutan yang betul.	
		D	Berkeupayaan mempamerkan proses kitaran perakaunan tetapi tidak mengikut urutan yang betul.	
		E	Tiada evidens dikemukakan.	

Elemen 6.0 : Nilai-nilai Murni Dalam Perakaunan

Bil.	Aspek	Gred	Kriteria	Catatan
6.2	Akauntabiliti	A	(i) Hasil tugas adalah hasil kerja sendiri. (ii) Menepati jadual kerja yang ditetapkan. (iii) Sentiasa melaksanakan tugas projek dengan penuh tanggungjawab, jujur dan amanah.	
		B	(i) Hasil tugas adalah hasil kerja sendiri. (ii) Menepati sebahagian jadual kerja yang ditetapkan. (iii) Sentiasa melaksanakan tugas projek dengan penuh tanggungjawab, jujur dan amanah.	
		C	(i) Hasil tugas adalah hasil kerja sendiri. (ii) Menepati sebahagian jadual kerja yang ditetapkan.	
		D	Menghasilkan tugas tetapi tidak menepati jadual kerja yang ditetapkan.	
		E	Tiada evidens dikemukakan.	

Elemen 5.0 : Nilai-nilai Murni Dalam Perakaunan

Bil.	Aspek	Gred	Kriteria	Catatan
6.3	Rasional	A	(i) Mengamalkan semua proses perekodan mengikut konsep dan prinsip perakaunan. (ii) Berkeupayaan membuat semua pelarasan yang rasional. (iii) Membuat keputusan dan perancangan perniagaan yang rasional.	
		B	(i) Mengamalkan sebahagian proses perekodan mengikut konsep dan prinsip perakaunan. (ii) Berkeupayaan membuat semua pelarasan yang rasional. (iii) Membuat keputusan dan perancangan perniagaan yang rasional.	
		C	(i) Mengamalkan sebahagian proses perekodan mengikut konsep dan prinsip perakaunan. (ii) Berkeupayaan membuat sebahagian pelarasan yang rasional. (iii) Membuat keputusan dan perancangan perniagaan.	
		D	Mengamalkan sebahagian proses perekodan mengikut konsep dan prinsip perakaunan.	
		E	Tiada evidens dikemukakan.	

Elemen 6.0 : Nilai-nilai Murni Dalam Perakaunan

Bil.	Aspek	Gred	Kriteria	Catatan
6.4	Ketepatan	A	(i) Menyiapkan tugas projek dalam tempoh masa yang ditetapkan. (ii) Menepati jadual kerja yang ditetapkan.	
		B	(i) Menyiapkan tugas projek dalam tempoh masa yang ditetapkan. (ii) Menepati sebahagian jadual kerja yang ditetapkan.	
		C	(i) Menyiapkan tugas projek dalam tempoh masa yang ditetapkan. (ii) Tidak menepati jadual kerja yang ditetapkan.	
		D	(i) Tidak menyiapkan tugas projek dalam tempoh masa yang ditetapkan. (ii) Tidak menepati jadual kerja yang ditetapkan.	
		E	Tiada evidens dikemukakan.	

10.0 PENGIRAAN UNTUK MENDAPATKAN GRED ELEMEN DAN GRED PENCAPAIAN KESELURUHAN 3756/3

10.1 Pengiraan untuk mendapatkan gred elemen dibuat dengan cara berikut:

- (a) Tukarkan gred tiap-tiap aspek yang diperoleh ke dalam nilai numerik berdasarkan jadual di bawah.

Gred	Nilai Numerik (n)
A	4
B	3
C	2
D	1
E (Tiada evidens)	0 (Pelajar tidak mengemukakan sebarang kriteria untuk dinilai)

- (b) Darabkan nilai numerik (n) dengan wajaran (w) sesuatu aspek.
- (c) Jumlahkan nilai ($n \times w$) bagi semua aspek.
- (d) Jumlah wajaran (w) bagi semua aspek.
- (e) Bahagikan jumlah ($n \times w$) dengan jumlah (w).
- (f) Bundarkan nilai daripada (e) kepada satu titik perpuluhan.
- (g) Tentukan gred elemen dengan merujuk jadual di bawah.

Julat	Gred Elemen
3.5 ke atas	A
2.5 – 3.4	B
1.5 – 2.4	C
< 1.5	D
0	E

10.2 Rumusan Skor

Gred Elemen	Definisi
A	Cemerlang
B	Kepujian
C	Memuaskan
D	Tidak mencapai tahap yang memuaskan
E	Gagal

11.0 PELAPORAN

- 11.1 Prestasi calon dalam melaksanakan tugas dalam Kertas 3 akan dilaporkan secara berasingan mengikut gred elemen. Definisi bagi tiap-tiap gred (skor) elemen adalah seperti berikut:

Gred Elemen	Definisi
A	Cemerlang
B	Kepujian
C	Memuaskan
D	Tidak mencapai tahap yang memuaskan
E	Gagal

- 11.2 Gred (skor) tugas ini akan direkod dan dihantar ke Lembaga Peperiksaan.
- 11.3 Pihak sekolah dikehendaki menyediakan sijil yang melaporkan tentang pencapaian calon bagi setiap elemen dan gred yang diperoleh selaras dengan hasrat Pentaksiran Berasaskan Sekolah.

Lampiran 1

Jadual Pelaksanaan Tugas Projek

KEMAHIRAN	APRIL				MEI				JUN				JULAI			
	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4
Perancangan Awal																
Taklimat Guru																
Proses Tugas																
Pengenalan Perniagaan																
Profil Perniagaan																
Pengeposan ke Lejar																
Penyediaan Imbangan Duga																
Pelarasan dan Perakodan																
Akaun Kawalan																
Imbangan Duga Terselaras																
Penyediaan Akaun Penamat																
Pengiraan Nisbah dan Tafsiran																
Belanjawan Tunai																
Cadangan																
Rumusan																
Menganalisis																
Analisis Penyata Kewangan dan Analisis Nisbah																
Penggunaan TMK																
Penggunaan Komputer																
Komunikasi																
Nilai Murni																
Pengurusan dan Penilaian																
Pengumpulan dan Semakan Tugas																
Penilaian dan Pentaksiran																
Kemasukan Markah ke E-PPK3 (digabungkan bersama markah yang telah dimasukkan di Tingkatan 4)																
Kemasukan Markah On-line ke LP																



Perakuan Calon Tentang Ketulenan Tugasan Projek Kertas 3756/3

Saya memperakui bahawa Tugasan Projek yang dikemukakan untuk memenuhi syarat Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia 2015 bagi mata pelajaran Prinsip Perakaunan 3756 adalah tulen.

Tandatangan Calon : _____
Nama Calon : _____
No. Kad Pengenalan : _____
Angka Giliran Calon : _____

- Borang perakuan ini mestilah disertakan di bahagian hadapan Tugasan Projek.

Profil Perniagaan

1	Nama Perniagaan	
2	Nama Pemilik	
3	Lokasi / Alamat	
4	Jenis Perniagaan	
5	Tempoh Perakaunan	
6	Tempoh Rekod	
7	Modal Perniagaan	
8	Jumlah Pekerja	
9	Status Perniagaan	
10	Nama dan Alamat Bank	
11	Nombor Akaun	

Senarai Semak dan Penilaian Guru

Bil.	Fasa	Tarikh	Tarikh	Tarikh	Tarikh	Tarikh	Catatan
	Proses Tugas						
1	Pengenalan Perniagaan						
	Profil Perniagaan						
2	Pengeposan ke Lejar						
	Imbangan Duga						
3	Senarai Pelarasan						
4	Catatan Pelarasan						
5	Akaun Kawalan						
	Imbangan Duga Terselaras						
6	Akaun Penamat						
7	Kunci Kira-kira						
	Pengiraan Nisbah						
8	Tafsiran Nisbah						
	Belanjawan Tunai						
9	Cadangan						
	Rumusan						
10	Menganalisis						
	Analisis Penyata Kewangan dan Analisis Nisbah						
11	Membuat keputusan						
	Keputusan Perniagaan						
	Perancangan Perniagaan						
12	Penggunaan TMK						
	Penggunaan Komputer						
	Komunikasi						
13	Nilai Murni						
	Sistematik						
	Akauntabiliti						
	Rasional						
	Ketepatan						

Borang Pentaksiran Individu

Nama :

No. Kad Pengenalan :

Angka Giliran :

Elemen 1.0 Pengetahuan dan Kefahaman					
Bil.	Aspek	Gred	Nilai (n)	Wajaran (w)	(nxw)
1.1	Pengenalan Perniagaan			1	
1.2	Profil Perniagaan			1	
			Jumlah	2	
				Purata	
				Gred Elemen	

Elemen 2.0 Kemahiran Mengaplikasi					
Bil.	Aspek	Gred	Nilai (n)	Wajaran (w)	(nxw)
2.1	Lejar			3	
2.2	Imbangan Duga			1	
2.3	Pelarasan			1	
2.4	Jurnal Am			2	
2.5	Perekodan Pelarasan			2	
2.6	Akaun Kawalan			2	
2.7	Imbangan Duga Terselaras			1	
2.8	Akaun Penamat			3	
2.9	Kunci Kira-kira			3	
2.10	Menghitung Nisbah Dalam Penyata Kewangan			2	
			Jumlah	20	
				Purata	
				Gred Elemen	

Elemen 3.0 Kemahiran Menganalisis					
Bil.	Aspek	Gred	Nilai (n)	Wajaran (w)	(nxw)
3.1	Analisis Penyata Kewangan dan Analisis Nisbah			1	
			Jumlah	1	
				Purata	
			Gred Elemen		

Elemen 4.0 Kemahiran Membuat Keputusan					
Bil.	Aspek	Gred	Nilai (n)	Wajaran (w)	(nxw)
4.1	Keputusan Perniagaan			1	
4.2	Perancangan Perniagaan			3	
			Jumlah	4	
				Purata	
			Gred Elemen		

Elemen 5.0 Kemahiran Menggunakan TMK					
Bil.	Aspek	Gred	Nilai (n)	Wajaran (w)	(nxw)
5.1	Penggunaan Komputer			1	
5.2	Komunikasi			2	
				Jumlah	3
				Purata	
				Gred Elemen	

Elemen 6.0 Nilai-nilai Murni Dalam Perakaunan					
Bil.	Aspek	Gred	Nilai (n)	Wajaran (w)	(nxw)
6.1	Sistematik			1	
6.2	Akauntabiliti			1	
6.3	Rasional			1	
6.4	Ketepatan			1	
				Jumlah	4
				Purata	
				Gred Elemen	

GRED KESELURUHAN				
Bil.	Elemen	Gred Elemen	$\Sigma (w)$	$\Sigma (nxw)$
1.0	Pengetahuan dan Kefahaman		2	
2.0	Kemahiran Mengaplikasi		20	
3.0	Kemahiran Menganalisis		1	
4.0	Kemahiran Membuat Keputusan		4	
5.0	Kemahiran Menggunakan TMK		3	
6.0	Nilai-nilai Murni Dalam Perakaunan		4	
		Jumlah	34	
		Purata dan Peratus		
		Gred Keseluruhan		

Personel	Nama	Tandatangan	Tarikh
Calon			
Pentaksir Sekolah			
Pengetua / Ketua Pentaksir Sekolah			

Lampiran 6

Borang Rumusan Skor Tugas Projek

Bil.	Nama Calon	Angka Giliran	Nombor K/P	Skor (%)		Markah Purata	Gred
				KK1 (Tg. 4)	KK2 (Tg. 5)		
1							
2							
3							
4							
5							
6							
7							
8							
9							
10							

Dengan ini disahkan bahawa Projek Prinsip Perakaunan 3756/3 telah dilaksanakan dan maklumat di atas adalah benar.

Nama Sekolah :

Tandatangan Pentaksir Sekolah :

Nama Pentaksir Sekolah:

Tarikh :

Tandatangan Pengetua /
Ketua Pentaksir Sekolah :

Nama Pengetua / Ketua Pentaksir
Sekolah dan Cap Rasmi Sekolah :

Tarikh :

PANDUAN PELAKSANAAN DAN PENILAIAN PROJEK TAMAT